




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 485 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 229,497 kes. Sebanyak sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Kudat dan masing-masing satu (1) kes di Ranau, Sandakan, Semporna dan Tambunan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 551 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 218,623 orang. Manakala 1,563 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 638 orang di hospital, 907 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang merangkumi 65 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 64 (30.77%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon jingga ke kuning manakala Daerah Kunak bertukar dari zon kuning ke jingga

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes harian naik 48 kes hari ini. Jumlah kes baharu ialah 485 kes.
- b Pertambahan yang agak banyak ini berpunca daripada kenaikan mendadak jumlah kes di Kota Kinabalu daripada 98 kes kelmarin kepada 161 kes (+63) hari ini. Punca utama kenaikan mendadak ini ialah Kluster Lautan Biru yang melibatkan anak-anak kapal TLDM. Jangkitan berlaku semasa operasi dan setakat ini 93 orang disahkan positif. Mengikut statistik, cuma 3 kes daripada 161 kes didaftar di Kota Kinabalu sepanjang 24 jam yang lalu, selebihnya merupakan kes-kes daftar-lewat 2 hari atau lebih lama selepas keputusan saringan diketahui.
- c Beberapa daerah lain mencatatkan pertambahan kes harian yang agak ketara seperti Tuaran dan Kota Marudu, tetapi daerah-daerah seperti Penampang, Papar dan Tenom mencatat jumlah kes harian yang jauh lebih rendah hari ini.
- d Kes-kes daripada Kluster Lautan Biru (91) kes dan Kluster Kemburongoh (1) kes menyumbang hampir 19% daripada jumlah kes di Sabah hari ini. Adalah juga diperhatikan peratusan kes-kes Saringan Kontak Rapat dan kes-kes Saringan Bergejala hampir sama tinggi, 39% bagi Saringan Kontak dan 36% bagi Saringan Bergejala. Ini satu petanda jelas virus COVID-19 sudah berada secara meluas di tengah-tengah masyarakat dan risiko jangkitan secara sporadik semakin tinggi.
- e Sejumlah 469 pesakit (97%) berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, lima orang dalam Kategori 3, dua orang dalam Kategori 4 dan tiga pesakit dalam Kategori 5. Kes melibatkan 6 pesakit masih dalam penilaian JKNS.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (189) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	92	18.97%
2	Bergejala	173	35.67%
3	Kontak	189	38.97%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	31	6.39%
JUMLAH		485	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/11/2021	Catatan Kes 22/11/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	98	161	+63
2	Tuaran	22	62	+40
3	Kota Marudu	13	27	+14
4	Ranau	26	33	+7
5	Tawau	5	12	+7
6	Keningau	14	17	+3
7	Tongod	2	5	+3
8	Kuala Penyu	9	11	+2
9	Kunak	2	4	+2
10	Beluran	2	4	+2
11	Semporna	0	2	+2
12	Sipitang	4	5	+1
13	Nabawan	0	1	+1
14	Kinabatangan	17	1	-16
15	Kota Belud	38	23	-15
16	Papar	32	18	-14
17	Penampang	39	26	-13
18	Tenom	24	11	-13
19	Telupid	13	3	-10
20	Sandakan	13	7	-6
21	Beaufort	19	16	-3
22	Lahad Datu	9	6	-3
23	Tambunan	5	3	-2
24	Putatan	19	18	-1
25	Kudat	10	9	-1
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Pitas	1	0	-1
JUMLAH		437	485	+48

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (08 November – 21 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	91	36	31	0	3	161	1076
Tuaran	0	47	14	0	1	62	747
Ranau	1	15	11	0	6	33	540
Kota Marudu	0	7	15	0	5	27	430
Penampang	0	12	12	0	2	26	462
Kota Belud	0	13	4	0	6	23	606
Papar	0	5	11	0	2	18	379
Putatan	0	2	16	0	0	18	220
Keningau	0	3	13	0	1	17	255
Beaufort	0	8	8	0	0	16	446
Tawau	0	8	4	0	0	12	159
Tenom	0	9	2	0	0	11	350
Kuala Penyu	0	3	7	0	1	11	96
Kudat	0	3	5	0	1	9	199
Sandakan	0	5	2	0	0	7	173
Lahad Datu	0	3	2	0	1	6	115
Sipitang	0	1	4	0	0	5	146
Tongod	0	0	5	0	0	5	49
Beluran	0	3	1	0	0	4	113
Kunak	0	2	1	0	1	4	24
Telupid	0	1	2	0	0	3	69
Tambunan	0	1	2	0	0	3	208
Semporna	0	0	1	0	1	2	13
Kinabatangan	0	1	0	0	0	1	165
Nabawan	0	1	0	0	0	1	21
Pitas	0	0	0	0	0	0	103
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	11
JUMLAH	92	189	173	0	31	485	7,175

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lautan Biru Pantai	91
Ranau	Kluster Kemburongoh	1
Jumlah		92

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Lautan Biru Pantai - Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dikesan menular dalam kalangan kru kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dikategorikan sebagai kluster institusi pertahanan. Kes indeks merupakan kru kapal, lelaki, yang berlepas dari TLDM Lumut Perak pada 27 Oktober 2021. Dalam saringan COVID-19 sebelum berlepas ke TLDM Sepanggar, kes indeks serta semua kru kapal didapati negatif. Pada 01 November 2021, kapal tersebut telah tiba di TLDM Sepanggar dan selepas menjalani operasi selama seminggu, kapal kemudiannya berangkat ke Sandakan dan Tawau sebelum kembali semula ke TLDM Sepanggar pada 18 November 2021. Semasa persinggahan, kes indeks dikesan positif COVID-19 menerusi saringan bergejala di Sandakan, manakala satu (1) kes lagi dikesan di Tawau melalui saringan sendiri dan telah menjalani kuarantin di daerah masing-masing. Setibanya di TLDM Sepanggar, didapati tiga (3) kes positif hasil saringan bergejala. Saringan menyeluruh kemudiannya dijalankan terhadap 134 kru kapal dan menemukan 93 kes positif COVID-19 sebagai jumlah kumulatif termasuk 91 kes yang dilaporkan hari ini. Semua kes dan kontak rapat telah diarahkan kuarantin dan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 5,300 unit

- Hospital 1,413 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,397 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.49%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	484
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	485

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Norway	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	479
Bukan Malaysia	6
Jumlah	485

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	63
Belum Menerima Vaksin	49
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	372
Jumlah	485

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	26
6 to 11	34
12 to 17	26
18 to 25	94
26 to 59	254
>60	48
Jumlah	485

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 21 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,948 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,240 orang adalah penduduk dewasa dan 708 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 21 November 2021 adalah seramai 2,437,744 orang. Ini meliputi 2,104,514 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.29% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,384,646 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,079,595 orang atau 75.39% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,230 orang atau 76.78% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 305,051 atau 70.29% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **676,827** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,707 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memastikan penjarakan Fizikal
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 124 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,002 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran.
 - iii Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Lahad Datu.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 225 Premis Perniagaan melibatkan 120 anggota APM. Sebanyak 17 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 38 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 113 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Papar	98.8%
2	Kudat	98.8%
3	Kinabatangan	98.7%
4	Tawau	98.7%
5	Kota Marudu	98.7%
6	Tenom	98.7%
7	Tuaran	98.7%
8	Ranau	98.7%
9	Sipitang	98.7%
10	Keningau	98.6%
11	Beluran	98.6%
12	Kota Belud	98.5%
13	Semporna	98.5%
14	Beaufort	98.5%
15	Kunak	98.4%
16	Penampang	98.4%
17	Lahad Datu	98.3%
18	Sandakan	98.3%
19	Kota Kinabalu	98.2%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**